

Erti Kemerdekaan yang Perlu Difahami

Oleh Wan Ahmad Fauzi Wan Husain • 31 Ogos 2022, 13:19

A + A - A

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui [Telegram](#)

[Langgan Sekarang](#)

Kedaulatan undang-undang dan pencabulan perjanjian oleh British dalam hubungan diplomatik dengan kerajaan Negeri Melayu sehingga penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 dan 1957.

Tanggal 31 Ogos ...

Dalam dokumen perundangan yang membawa kepada laungan “Merdeka”, British tidak pernah meletakkan Negeri Melayu sebagai tanah jajahan, berbeza dengan kedudukan Negeri Selat.

Kenyataan Kerajaan British dalam Hansard Parlimen Britain ketika pembentangan Independence Bill 1957 menyatakan dengan tegas bahawa campur tangan British dalam hal ehwal Negeri Melayu bermula dengan perjanjian, maka hubungan yang wujud perlu ditamatkan melalui perjanjian juga.

Terdapat tiga perjanjian penting pascaperjanjian awal yang ditandatangani oleh British dengan Raja-raja Melayu, iaitu Perjanjian Negeri 1948, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Apabila British sendiri mengakui keperluan perjanjian baharu ditandatangani dengan setiap raja Melayu pada 5 Ogos 1957, yang dikenali sebagai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, itu menunjukkan kedaulatan raja Melayu sejak perjanjian awal ditandatangani adalah kekal, tidak tersentuh sepanjang tempoh campur tangannya di setiap Negeri Melayu.

Pada sisi lain, apabila British melanggar mana-mana terma perjanjian awal dan hukum kanun Negeri Melayu (Undang-Undang Perlembagaan Negeri Melayu) atau melakukan tindakan melampau daripada kuasa yang diberikan oleh perjanjian itu, maka perlanggaran tersebut merupakan pencabulan perjanjian yang menjadikan tindakan British itu tidak sah, atau boleh dicabar keabsahannya.

Pelanggaran perjanjian sedemikian tidak boleh dieksplorasi sebagai satu keterangan yang menunjukkan raja Melayu tiada lagi kuasa kerana pernah tunduk kepada kehendak British apatah lagi dakwaan kononnya Negeri Melayu sudah dijajah atas alasan tersebut. Hal ini demikian kerana jika pencabulan yang berlaku itu dianggap suatu yang sah dilakukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu sudah terlucut, maka sudah pasti Independence Bill 1957 tidak perlu dibentangkan oleh Kerajaan British untuk mendapatkan kelulusan Parlimen Britain bagi membolehkan Ratu England menamatkan perjanjian dengan Raja-raja Melayu.

Dokumen perundangan dan polisi yang diperkenalkan oleh British sebagai penasihat kesemuanya disebabkan melalui kuasa wibawa dan kedaulatan Raja-raja Melayu. Kedudukan tersebut tidak dipertikai oleh British, malah terakam dalam laporan bertulis British, termasuklah Laporan Reid.

Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan kerakusan British ketika mencampuri hal ehwal adat Melayu tidak pernah mengakibatkan kedudukan British berubah daripada apa-apa yang termaktub dalam setiap perjanjian yang ditandatangani antara British dengan Raja-raja Melayu, sebaliknya tindakan mana-mana pegawai British itu boleh dipersoalkan.

Sudut pandang yang betul perlu dikembalikan agar kita dapat menghayati kemerdekaan sebenar yang diwarisi sejak daripada Kesultanan Melayu Melaka. Kebijaksanaan raja dan para pembesar Melayu serta keutuhan elemen watan tanah air Malaysia perlu dinobatkan agar setiap warganegara lebih menghayati jati diri utuh bangsa Malaysia dibina dengan penyertaan Sabah dan Sarawak.

Tarikh keramat, 31 Ogos merupakan ulang tahun Hari Kebangsaan kita yang melahirkan bangsa Melayu yang terdiri daripada orang Melayu dan orang bukan Melayu. Tarikh 31 Ogos bukanlah semata-mata Hari Kemerdekaan yang membebaskan Pulau Pinang dan Melaka daripada penjajahan, namun 31 Ogos 1957 merupakan Hari Kebangsaan dan Hari Persekutuan Tanah Melayu.

Penulis ialah Pengasas Jurisprudens Watan dan Profesor Madya di Fakulti Pengurusan Industri Universiti Malaysia Pahang.